

## AKTA KASTAM 1967

### PERINTAH DUTI KASTAM (BARANG-BARANG BERASAL DARI NEGERI-NEGERI ASEAN) (TATANAMA TARIF BERHARMONIS ASEAN DAN TARIF KEUTAMAAN SAMA RATA ) 2007

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh subseksyen 11(1) Akta Kastam 1967 [Akta 235], Menteri membuat perintah yang berikut:

#### **Nama dan permulaan kuat kuasa**

1. (1) Perintah ini bolehlah dinamakan **Perintah Duti Kastam (Barang-Barang Berasal dari Negeri-Negeri ASEAN) (Tatanama Tarif Berharmonis ASEAN dan Tarif Keutamaan Sama Rata) 2007**.
- (2) Perintah ini mula berkuat kuasa pada 1 April 2008.

#### **Tafsiran**

2. Dalam Perintah ini, melainkan jika konteksnya menghendaki makna yang lain -

“AHTN” ertinya Tatanama Tarif Berharmonis ASEAN;

“CEPT” ertinya Tarif Keutamaan Sama Rata;

“TRQ” ertinya Kadar Tarif Kuota.

#### **Duti CEPT**

3. (1) Tertakluk kepada peruntukan Jadual Pertama, duti import hendaklah dilevi ke atas, dan dibayar oleh pengimport, berkenaan dengan barang-barang yang dinyatakan dalam Jadual Kedua, yang berasal dari negeri-negeri ASEAN, mengikut kadar duti CEPT yang dinyatakan dalam ruang (7) Jadual Kedua, yang diimport ke dalam Malaysia.

(2) Jika kadar duti CEPT dinyatakan dalam ruang (7) Jadual Kedua berkenaan dengan sesuatu jenis barang-barang yang tertentu, kadar itu hendaklah dilevi ke atas dan hendaklah dibayar oleh pengimport sebagai ganti duti import sepenuhnya yang sepadan yang dinyatakan dalam ruang (5) Jadual Kedua, berkenaan dengan barang-barang dari jenis itu yang dibuktikan hingga memuaskan hati Ketua Pengarah sebagai telah berasal dari negeri-negeri ASEAN.

(3) Tiada barang-barang berhak kepada kadar duti CEPT melainkan jika kadar duti CEPT ke atas barang-barang atau jenis barang-barang yang seumpamanya di negeri ASEAN yang mengeksport tidak lebih daripada 20% *ad valorem* jika kadar duti CEPT yang dinyatakan dalam ruang (7) Jadual Kedua adalah 20% *ad valorem* atau kurang.

(4) Dalam hal barang-barang yang boleh dikenakan duti import yang diimport pada atau dengan mana-mana orang yang memasuki Malaysia atau dalam bagasi orang itu dan dimaksudkan untuk kegunaan bukan komersial (kecuali kenderaan motor, minuman beralkohol, spirit, tembakau dan rokok) hanya duti kastam pada kadar sama rata 30% *ad valorem* hendaklah dilevi ke atas dan dibayar oleh pengimport atas barang-barang itu.

(5) Bagi maksud Perintah ini, “negeri ASEAN” ertinya Brunei, Kemboja, Indonesia, Laos, Malaysia, Myanmar, Filipina, Singapura, Thailand atau Vietnam, mengikut mana-mana yang berkenaan, dan “negeri-negeri ASEAN” hendaklah ditafsirkan dengan sewajarnya.

### **Duti Kastam**

4. (1) Jika barang-barang yang tidak berhak kepada kadar duti CEPT, duti import hendaklah dilevi mengikut kadar penuh yang dinyatakan dalam ruang (5) Jadual Kedua.

(2) Duti eksport hendaklah dilevi ke atas dan dibayar oleh pengeksport berkenaan dengan barang-barang yang disenaraikan dalam ruang (1), (2) dan (3) Jadual Kedua, mengikut kadar yang dinyatakan dalam ruang (6) Jadual itu, yang diekport dari Malaysia.

(3) Dalam hal barang-barang yang tertakluk kepada kadar tarif kuota yang dinyatakan dalam ruang (5) Jadual Kedua, duti import hendaklah dilevi mengikut kadar dalam Appendix C, tertakluk kepada kuota yang ditetapkan oleh agensi di ruang (5).

### **Tafsiran kadar yang ditunjukkan dalam Jadual Kedua**

5. Melainkan jika dinyatakan selainnya, kadar yang dilevi di bawah perenggan (3), (4) dan (5), dan subperenggan 3(1) hendaklah –

- (a) jika kadar duti yang dilevi itu dinyatakan sebagai peratusan, menjadi peratusan bagi nilai barang-barang; dan
- (b) jika kadar duti yang dilevi itu dinyatakan sebagai sejumlah wang, menjadi jumlah wang yang dinyatakan, dan kadar itu hendaklah dibayar atas setiap unit yang dinyatakan dalam ruang (4) Jadual Kedua.

### **Penjenisan barang-barang**

6. (1) Penjenisan barang-barang dalam Jadual Kedua hendaklah tertakluk kepada *General Rules For The Interpretation Of The Harmonized System* di bawah *International Convention on the Harmonized Commodity Description And Coding System*.

(2) Jika timbul apa-apa persoalan sama ada apa-apa barang-barang tertentu termasuk atau tidak dalam jenis barang-barang yang terdapat dalam Perintah ini, persoalan itu hendaklah ditentukan oleh Ketua-Ketua Pengarah Kastam ASEAN di bawah Artikel 9 kepada *Protocol Governing the Implementation of the AHTN* melalui mekanisme penyelesaian pertelingkahan yang ditetapkan.

### **Singkatan dan simbol**

7. Singkatan dan simbol yang digunakan dalam Jadual Pertama dan Kedua kepada Perintah ini hendaklah mempunyai erti yang bersementakan dengannya, sebagaimana yang ditunjukkan dalam Senarai Singkatan dan Simbol-Simbol yang terdapat dalam Jadual Ketiga Perintah ini.

### **Pembatalan**

8. Perintah Duti Kastam (Barang-Barang Berasal dari Negeri-Negeri ASEAN) (Tatanama Tarif Berharmonis ASEAN Dan Tarif Keutamaan Sama Rata) 2004 [*P.U. (A)1/2004*] adalah dibatalkan.

## CUSTOMS ACT 1967

### CUSTOMS DUTIES (GOODS OF ASEAN COUNTRIES ORIGIN) (ASEAN HARMONISED TARIFF NOMENCLATURE AND COMMON EFFECTIVE PREFERENTIAL TARIFF) ORDER 2007

IN exercise of the powers conferred by subsection 11(1) of the Customs Act 1967 [Act 235], the Minister makes the following order:

#### **Citation and commencement**

1. (1) This order may be cited as the **Customs Duties (Goods of ASEAN Countries Origin) (ASEAN Harmonised Tariff Nomenclature and Common Effective Preferential Tariff) Order 2007**.
- (2) This Order comes into operation on 1 April 2008.

#### **Interpretation**

2. In this Order, unless the context otherwise requires –
  - “AHTN” means ASEAN Harmonised Tariff Nomenclature;
  - “CEPT” means Common Effective Preferential Tariff;
  - “TRQ” means Tariff rate quota.

#### **CEPT duty**

3. (1) Subject to the provisions of the First Schedule, import duty shall be levied on, and paid by the importer, in respect of goods specified in the Second Schedule, originated from ASEAN countries, at the CEPT rate of duty specified in column (7) of the Second Schedule, imported into Malaysia.
  - (2) Where a CEPT rate of duty is specified in column (7) of the Second Schedule in respect of a particular class of goods, such rate shall be levied on and shall be paid by the importer in lieu of the corresponding full import duty imposed as specified in column (5) of the Second Schedule, in respect of goods of the class which are shown to the satisfaction of the Director General to have originated from ASEAN countries.
  - (3) No goods shall be entitled to the CEPT rate of duty unless the CEPT rate of duty on similar goods or class of goods in the exporting ASEAN country is not more than 20% *ad valorem* where the CEPT rate of duty specified in column (7) of the Second Schedule is 20% *ad valorem* or less.

(4) In the case of these goods liable to import duty imported on or with any person entering Malaysia or in the baggage of such person and intended for non-commercial use (except motor vehicles, alcoholic beverages, spirits, tobacco and cigarettes) only a customs duty at a flat rate of 30% *ad valorem* shall be levied on and paid by the importer of such goods.

(5) For the purposes of this Order, “ASEAN country” means Brunei, Cambodia, Indonesia, Laos, Malaysia, Myanmar, Philippines, Singapore, Thailand or Vietnam, as the case may be, and “ASEAN countries” shall be construed accordingly.

### **Customs duty**

4. (1) Where goods are not entitled to the CEPT rate of duty, import duties shall be levied at the full rate specified in column (5) of the Second Schedule.

(2) Export duties shall be levied on and paid by the exporter in respect of the goods listed in columns (1), (2) and (3) of the Second Schedule hereto, at the rates specified in column (6) of the said Schedule, exported from Malaysia.

(3) In the case of those goods subjects to tariff rate quota as specified in column (5) of the Second Schedule, import duty at shall be levied at specified rates in Appendix C, subject to the quota as determined by the agency in column (5).

### **Interpretation of rates shown in the Second Schedule**

5. Unless otherwise specified, the rates levied under paragraphs (3), (4) and (5), and subparagraph 3(1) shall –

- (a) where the rate of duty levied is expressed as a percentage, be that percentage of the value of the goods; and
- (b) where the rate of duty levied is expressed as a sum of money, be the sum specified, and such rate shall be paid upon each unit specified in column (4) of the Second Schedule.

### **Classification of goods**

6. (1) The classification of goods in the Second Schedule shall be governed by the General Rules For The Interpretation Of The Harmonized System under the International Convention on the Harmonized Commodity Description And Coding System.

(2) If any questions arises as to whether any particular goods are or are not included in a class of goods appearing in the Order, such question shall be decided by ASEAN Directors-General of Customs under Article 9 of the Protocol Governing The Implementation of the AHTN via a prescribed dispute settlement mechanism.

### **Abbreviations and symbols**

7. The abbreviations and symbols used in the First and Second Schedules to this Order shall have the meaning appearing against them as shown in the List of Abbreviations and Symbols in the Third Schedule of this Order.

### **Revocation**

8. The Customs Duties (Goods of ASEAN Countries Origin) (ASEAN Harmonised Tariff Nomenclature And Common Effective Preferential Tariff) Order 2004 [*P.U. (A)1/2004*] is revoked.